

NO. SOALAN : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK WEE JECK SENG
[TANJUNG PIAI]**

TARIKH : 27 OKTOBER 2015

SOALAN :

YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan apakah program dan promosi yang akan dilancarkan untuk mempromosikan pelancongan dan kebudayaan tempatan kepada pelancong tempatan dan asing.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa menjalankan pelbagai acara, program dan aktiviti promosi bagi menggalakkan pelancongan di Malaysia.

Pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan akan mempromosikan dan menjayakan sejumlah 165 program dan acara-acara pelancongan untuk tahun 2016 dimana :-

- i. 16 acara dalaman di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;
- ii. 48 acara di peringkat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri;
- iii. 37 acara di peringkat agensi di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia;
- iv. 13 acara di Bahagian Pembangunan Pakej Tourism Malaysia; dan
- v. 51 acara oleh badan khas pelancongan seperti Sabah Tourism Board (STB), Sarawak Tourism Board (STB), Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) , Penang Global dan Perbadanan Putrajaya (PPJ)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Tourism Malaysia giat menjalankan pelbagai aktiviti promosi program-program dan acara pelancongan di peringkat domestik dan antarabangsa. Antara aktiviti atau program yang dijalankan di peringkat domestik adalah seperti:-

- i. Menggunakan pendekatan '**Cuti-Cuti 1 Malaysia Dekat Je**' bagi menerapkan budaya melancong secara terancang;
- ii. Menyertai pameran-pameran pelancongan seperti MATTA Fair untuk jualan pakej-pakej pelancongan domestik;
- iii. Meneruskan kempen pengiklanan dan promosi melalui media cetak, media elektronik dan media sosial;
- iv. Mempromosikan risalah '**1001 Pakej CC1M**' yang menawarkan pakej-pakej pelancongan baru;
- v. Bekerjasama dengan pengusaha pelancongan bagi mempromosikan acara-acara pelancongan; dan
- vi. Menganjurkan program *Corporate Travel Bazaar* untuk menggalakkan pihak korporat serta syarikat multinasional mengadakan lawatan insentif dalam negara

Manakala bagi peringkat antarabangsa pula, Tourism Malaysia menyertai pelbagai pameran dan misi galakan pelancongan untuk mempromosikan Malaysia di beberapa pasaran antarabangsa seperti:-

- i. ASEAN Tourism Forum (ATF) di Manila pada 18-25 Januari 2016;
- ii. South Asia Travel & Trade Exhibition (SATTE) di India pada 29-31 Januari 2016;
- iii. International Tourisme Borse (ITB) di Berlin pada 9-13 Mac 2016;
- iv. Arabian Travel Market 2015, Dubai, UAE pada 25-28 April 2016;
- v. World Travel Fair (WTF) di Guangzhou pada 10-13 Mei 2016;
- vi. Korea World Travel Fair (KOTFA) di Seoul pada 9-12 Jun 2016;
- vii. International Travel Expo (ITE HCMC) di Ho Chi Minh City pada 8-10 September 2016;
- viii. JATA Tourism Expo Japan di Tokyo pada 22-25 September 2016;
- ix. World Travel Mart (WTM) di London pada 2-5 November 2015;
- x. Taipei International Travel Fair di Taipei pada 9-6 November 2015; dan
- xi. China International Travel Mart (CITM) di Kunming pada 13-15 November 2015

Misi Jualan juga diadakan di pelbagai pasaran terpilih untuk mempromosikan pelancongan negara serta promosi juga dibuat ke bandar kedua dan ketiga bagi menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Disamping program-program di atas, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensinya juga akan melancarkan kempen pengiklanan domestik dan antarabangsa yang merangkumi semua jenis media cetak, elektronik, media luaran '*Billboard*' dan '*New Media*', khususnya digital dan *online*.

Program suai kenal produk iaitu 'Mega Familiarisation (MEGA FAM)' akan diteruskan dengan membawa pengusaha-pengusaha pelancongan, penerbit-penerbit rancangan television, wartawan dan 'blogger' antabangsa untuk bekerjasama dalam menjual pakej-pakej menarik dan membuat liputan ke atas acara yang dijalankan.

Adalah diharapkan dengan usaha ini dan usahasama dengan pihak lain seperti syarikat penerbangan asing dan badan pelancongan negara-negara serantau, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dapat mempertingkatkan lagi kemajuan industri pelancongan negara.

Sekian, terima kasih.